

BAB TIGA : INSTITUSI MASJID DI BAHAGIAN SRI AMAN

3.1 Pendahuluan

Bab tiga dibahagikan kepada enam tajuk iaitu; latar belakang Bahagian Sri Aman, latar belakang institusi masjid di Bahagian Sri Aman, aliran perwakilan autoriti, program pemantapan perwakilan autoriti dalam proses perancangan, aktiviti institusi masjid dan sumber dana institusi masjid. Bab ini dimulakan dengan memperkenalkan Bahagian Sri Aman seperti sejarah, jumlah penduduk dan geografi bahagian ini. Kajian ini juga menjelaskan secara sepintas lalu tentang kesemua lapan buah masjid di Bahagian Sri Aman. Bab ini seterusnya menjelaskan tentang aliran perwakilan autoriti pengimaran dan perancangan institusi masjid. Ia kemudiannya menjelaskan tentang aktiviti-aktiviti yang dianjurkan bagi memantapkan AJKPM berkaitan dengan perwakilan autoriti dan proses perancangan. Bab ini juga menjelaskan tentang aktiviti-aktiviti yang sering dianjurkan oleh kesemua lapan buah institusi masjid di Bahagian Sri Aman. Perbincangan juga menyentuh tentang sumber dana bagi institusi masjid, iaitu sumber kewangan institusi masjid dan peruntukan membaik pulih bangunan masjid. Akhirnya bab ini disudahi dengan kesimpulan.

3.2 Latar Belakang Bahagian Sri Aman

Bahagian Sri Aman yang terletak di barat Borneo dan selatan Negeri Sarawak dahulunya dikenali sebagai Simanggang merupakan Bahagian Kedua dalam Sarawak.¹ Pusat pentadbiran bahagian ini adalah terletak di Bandar Sri Aman iaitu kira-kira 193 km dari Bandaraya Kuching² dan memakan masa selama empat jam perjalanan dengan menggunakan lebuh raya Pan Borneo.³ Ia juga boleh dihubungi melalui laluan sungai iaitu Sungai Batang Lupar.

Bahagian Sri Aman pada asalnya terdiri daripada empat daerah iaitu Daerah Sri Aman, Daerah Lubok Antu, Daerah Betong dan Daerah Saratok serta sembilan daerah kecil termasuk Daerah Kecil Pantu, Daerah Kecil Lingga, Daerah Kecil Maludam, Daerah Kecil Engkilili, Daerah Kecil Spaoh, Daerah Kecil Debak, Daerah Kecil Pusa, Daerah Kecil Roban dan Daerah Kecil Kabong.⁴

Menurut bancian pada tahun 1991, Bahagian Sri Aman seluas 9 647 km persegi dengan jumlah penduduk seramai 165 252 orang. Majoriti penduduk di Bahagian Sri Aman terdiri daripada kaum Iban dan diikuti oleh Melayu kemudiannya Cina. Berdasarkan anggaran populasi pada pertengahan tahun 1999 pula, Bahagian Sri Aman pada ketika itu mempunyai penduduk seramai 189 600 orang. Pada tahun 1997, rekod

¹ Chang Pat Foh (1999), *Legends And History Of Sarawak*. Kuching : Lee Ming Press, h. 134.

² Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (2002), *Profil Bahagian : Negeri Sarawak 2002*. Sarawak, h. 40.

³ Lihat laman sesawang Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak <http://www.myonestopsarawak.com.my/html>. 7 Mei 2006

⁴ Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (2002), *op. cit.*

statistik Jabatan Pertanian menunjukkan sejumlah 935 buah kampung dan 22 423 buah keluarga petani di Bahagian ini.⁵

Selepas pengisytiharan Bahagian Betong pada 26 Mac 2002, luas keseluruhan Bahagian Sri Aman adalah 5 466.25 km persegi⁶ dengan dua daerah dan tiga daerah kecil iaitu; Daerah Sri Aman⁷ (seluas 3 845.7 km persegi) dan Daerah Lubuk Antu (seluas 2 338.4 km persegi). Manakala daerah kecil pula meliputi Daerah Kecil Engkilili, Daerah Kecil Lingga dan Daerah Kecil Pantu. Bahagian Sri Aman mempunyai sebuah bandar iaitu Bandar Sri Aman, 10 buah pekan atau pasar, 30 buah kampung dan 331 buah rumah panjang.⁸ Sila lihat jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1 : Daerah dan Daerah Kecil di Bahagian Sri Aman

Daerah	Daerah Kecil	Keluasan (kilometer persegi)
Sri Aman		1 327
	Lingga	262.47
	Pantu	734.23
Lubok Antu		1433.32
	Engkilili	1 709.23
Jumlah		5 466.25

Sumber : Profil Bahagian Negeri Sarawak, tahun 2002.

⁵ Chang Pat Foh (1999), *op. cit.*, h. 134.

⁶ Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (2002), *op. cit.*

⁷ Sila lihat lampiran 3.1.

⁸ Bahagian Sri Aman merupakan Bahagian ketujuh terbesar daripada keseluruhan 124 449.51 kilometer persegi keluasan negeri Sarawak. Sila lihat laman sesawang <http://www.myonestopsarawak.com.my/html>. 7 Mei 2006.

Berdasarkan bancian yang dijalankan pada tahun 2002, kaum Iban merupakan golongan majoriti, manakala kaum Melayu⁹ pula adalah golongan minoriti dengan jumlah seramai 18 442 orang.¹⁰ Data ini tidak termasuk bilangan bukan Melayu yang memeluk Islam dan bilangan penjawat awam atau swasta yang bekerja di Bahagian Sri Aman. Kaum Melayu kebanyakannya menetap di 22 buah perkampungan yang mana Islam merupakan golongan majoriti di kawasan tersebut. Ia terdiri daripada kampung-kampung, taman perumahan,¹¹ kuarter kediaman kerajaan dan rumah panjang.

Sebanyak lapan buah masjid yang berselerakan di Bahagian Sri Aman. Manakala surau sebanyak 24 buah, dan 14 buah daripadanya adalah dalam kawasan perkampungan Islam dan selebihnya merupakan surau dalam permis.¹² Secara keseluruhannya, jumlah masjid dan surau di Sri Aman adalah 32 buah. Di Bahagian ini juga, terdapat beberapa buah institusi Islam seperti TBS, Harakah Islamiah (Hikmah), Sekolah Kebangsaan Agama (M.I.S.) Sri Aman, Persatuan Saudara Kita Bahagian Sri Aman, PAIB Sri Aman dan Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Bahagian Sri Aman.

Di samping itu, perkembangan Islam di Bahagian Sri Aman juga melibatkan kaum bukan Melayu yang memeluk Islam. Fenomena seperti ini sering berlaku disebabkan oleh dua faktor utama iaitu; kerelaan hati atau berkahwin dengan pasangan

⁹ Melayu mewakili masyarakat Islam.

¹⁰ Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (2002), *op. cit.*

¹¹ Tidak termasuk kawasan perumahan yang terdapat di dalamnya pelbagai etnik, yang mana Islam merupakan golongan minoriti.

¹² Surau dalam permis merujuk kepada surau yang dimiliki dan ditadbir sepenuhnya oleh agensi kerajaan dan bukan kerajaan atau orang perseorangan. Surau tersebut terletak di kawasan persendirian atau perseorangan dan berbeza dengan surau kampung kerana terletak di kawasan umum. Maklumat diperolehi dari proses temubual dengan Encik Nazar bin Hamdan, Pegawai Agama Islam Bahagian Sri Aman pada 29 November 2007 di PAIB Sri Aman. Sila lihat lampiran 1.8 dan lampiran 1.10.

muslim. Menurut data yang diperolehi dari PAIB Sri Aman seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.2, semenjak tahun 2002 hingga tahun 2004 jumlah bukan Islam yang memeluk Islam meningkat dari setahun ke setahun. Pada tahun 2002, jumlah pengislaman adalah seramai 47 orang, pada tahun 2003 seramai 50 orang dan tahun 2004 seramai 52 orang. Bagaimanapun, pada tahun 2005 jumlah tersebut mencatat penurunan iaitu seramai 25 orang sahaja. Data-data ini merupakan proses pengislaman yang didaftar atau direkod di PAIB Sri Aman. Adalah tidak mustahil data-data tersebut berubah atau bertambah kerana terdapat juga proses pengislaman yang dilakukan di luar negara, luar Sarawak atau di luar Bahagian Sri Aman.¹³

Jadual 3.2 : Pengislaman Berdasarkan Jantina

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2002	19	28	47
2003	25	25	50
2004	22	30	52
2005	8	17	25
Jumlah	74	100	174

Sumber : Pejabat Agama Islam Bahagian Sri Aman, tahun 2006.

Pada awal 80-an, kaum Iban di Rumah Panjang Jaong Jaya telah menganut agama Islam secara beramai-ramai, ia kemudiannya diikuti oleh kaum Iban di Rumah Panjang Maja pada Ogos 1998. Dengan kemasukan secara beramai-ramai kaum Iban ke dalam Islam telah membuka minda masyarakat setempat bahawa Islam bukan hanya untuk

¹³ Unit Pengislaman, PAIB Sri Aman, tahun 2006.

kaum Melayu sahaja. Malahan Islam merupakan cara hidup yang bersifat universal sama ada dari segi kandungannya yang membawa kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran ataupun dari segi bangsa, warna kulit, paras rupa dan kedudukan penganutnya.¹⁴

3.3 Latar Belakang Institusi Masjid Bahagian Sri Aman

Bahagian Sri Aman mempunyai lapan buah masjid¹⁵ yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu masjid bahagian, masjid daerah, masjid daerah kecil dan masjid kariah. Masjid-masjid tersebut terdiri daripada sebuah masjid bahagian iaitu Masjid Bandar Sri Aman, sebuah masjid daerah iaitu Masjid Nurul Huda Lubok Antu, dua buah masjid daerah kecil iaitu Masjid Al-Hana Lingga dan Masjid Darul Naa'im Engkilili. Manakala masjid kariah pula terdiri daripada Masjid Salatul Rahman Stumbin, Masjid Bahagia Bakong, Masjid Nahdatul Islam Tanjung Bijat dan Masjid Kampung Pulau Seduku.

3.3.1 Masjid Bandar Sri Aman, Sri Aman

Masjid Bandar Sri Aman merupakan mercu tanda umat Islam di bahagian ini dan satu-satunya masjid yang terdapat di Bandar Sri Aman. Ia terletak di tengah-tengah Bandar Sri Aman dan bersebelahan dengan Pejabat Residen. Ia merupakan tempat bagi masyarakat

¹⁴ *ibid.*

¹⁵ Sila lihat lampiran 3.2.

Islam di sekitar Bandar Sri Aman menunaikan solat Jumaat dan juga pusat perayaan aktiviti-aktiviti Islam seperti sambutan hari kebesaran Islam untuk peringkat daerah mahupun peringkat Bahagian Sri Aman.

Masjid yang mula dibina pada tahun 1971 ini menelan belanja sebanyak RM 2 juta dan mampu menampung seramai 2000 orang jemaah. Ia dibina di atas sebidang tanah seluas 5.25 ekar. Masjid ini dirasmikan oleh Ketua Menteri Sarawak pada tahun 1981 bagi menggantikan Masjid Lama yang terletak di Kampung Tengah Sri Aman. Ia dikawal selia oleh Lembaga Amanah Kebajikan Islam Masjid Bandar Sri Aman yang bertindak sebagai badan induk untuk mengumpul dana pengurusan, pembangunan infrastruktur dan aktiviti pengimarah. Terdapat sebuah badan khusus yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan penganjuran aktiviti iaitu Jawatankuasa Pengurusan Masjid Bandar Sri Aman.

Selaras dengan statusnya sebagai masjid bahagian, ia dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur dan prasarana seperti bangunan tadika, perpustakaan, dewan serbaguna, padang permainan, bilik kelas, bilik komputer, bilik gerakan rakan muda, pejabat dan dewan solat yang luas. Masjid ini juga aktif menjalankan aktiviti-aktiviti seperti program pembangunan belia, ceramah, majlis ilmu, kelas-kelas agama dan sebagainya bagi memenuhi kehendak masyarakat Islam di sekitar Bandar Sri Aman.¹⁶

¹⁶ Maklumat diperolehi dari proses temubual dengan Tuan Haji Mustapha bin Haji Saleh, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid Bandar Sri Aman pada 21 Disember 2007. Sila lihat lampiran 1.8 dan lampiran 1.9.

3.3.2 Masjid Nurul Huda, Lubok Antu

Masjid Nurul Huda merupakan satu-satunya masjid yang terdapat di Daerah Lubok Antu. Dengan jarak sejauh 87 kilometer dari Bandar Sri Aman, masjid ini siap dibina pada Mac 2001 dengan kos berjumlah RM 180 000 dan ia mampu memuatkan seramai 250 orang jemaah. Masjid ini merupakan pusat aktiviti keagamaan dan sambutan hari kebesaran Islam bagi masyarakat setempat dan pekerja-pekerja di sekitar Pekan Lubok Antu.

Masjid ini dikendalikan oleh Lembaga Amanah Kebajikan Orang Islam Lubok Antu. Lembaga ini berperanan menjaga kepentingan masyarakat Islam di kawasan tersebut, seperti mengurus dan mencari dana bagi keperluan masyarakat Islam Lubok Antu, mengurus dan menjaga tanah perkuburan serta masjid. Manakala Jawatankuasa Pengurusan Masjid Nurul Huda pula berperanan mengurus dan mentadbir segala hal ehwal yang berkaitan dengan masjid seperti penganjuran aktiviti pengimaran, kelas agama dan menjaga keselamatan harta benda masjid.¹⁷

3.3.3 Masjid Al-Hana, Lingga

Masjid Al-Hana terletak di tengah-tengah Pekan Lingga dan sejauh 50 kilometer dari Bandar Sri Aman. Ia siap dibina pada tahun 1994 dengan kos sebanyak RM 1.8 juta dan telah dirasmikan pada 20 Jun 1997 bersamaan dengan 14 Safar 1418 H. Masjid yang

¹⁷ Maklumat diperolehi dari proses temubual dengan Encik Suhaili bin Pawi, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid Nurul Huda pada 22 Disember 2007. Sila lihat lampiran 1.8 dan lampiran 1.9.

dibina di atas tapak seluas 2.3 ekar ini mampu memuatkan seramai 1000 orang jemaah. Selaras dengan statusnya sebagai masjid Daerah Kecil Lingga, ia mempunyai prasarana dan infrastruktur yang lengkap bagi kemudahan jemaah dan untuk menjalankan aktiviti keagamaan.

Masjid ini merupakan satu-satunya masjid untuk kegunaan masyarakat Islam di Kampung Hulu Lingga, Kampung Tengah Lingga dan Kampung Hilir Lingga. Walaupun terdapat dua buah surau iaitu Surau Darul Falah di Kampung Hulu Lingga dan Surau Darul Hayatul Islamiah di Kampung Hilir Lingga, namun masjid ini masih berperanan sebagai pusat aktiviti keagamaan bagi masyarakat Islam di kawasan tersebut seperti solat Jumaat, ceramah, pertandingan Tilawah al-Quran dan sebagainya. Masjid ini dikawalselia oleh Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Kampung Lingga yang berperanan menyediakan dana dan menjaga kebajikan serta harta benda masyarakat Islam di kawasan tersebut. Hal ehwal yang berkaitan aktiviti pengimarah dan pentadbiran masjid pula ditugaskan kepada Jawatankuasa Pengurusan Masjid Al-Hana.¹⁸

3.3.4 Masjid Darul Naaim, Engkilili

Masjid Darul Naaim dibina pada tahun 2002 dengan kos berjumlah RM 320 000 dan mampu menampung seramai 250 orang jemaah. Ia terletak 36 kilometer dari Bandar Sri Aman dan 800 meter dari Pekan Engkilili serta satu-satunya masjid yang terdapat di

¹⁸ Maklumat diperolehi dari proses temubual dengan Encik Amran bin Sali, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid Al-Hana pada 19 Disember 2007. Sila lihat lampiran 1.8 dan lampiran 1.9.

Daerah Kecil Engkilili. Masjid ini merupakan pusat keagamaan bagi masyarakat Islam di Kampung Melayu Engkilili dan pekerja-pekerja Islam di sekitar kawasan tersebut.

Masjid bertaraf masjid Daerah Kecil ini dikawalselia oleh Lembaga Amanah Kebajikan Islam Engkilili. Lembaga tersebut berperanan mencari dana kewangan bagi menjalankan program di masjid dan juga menjaga harta benda awam masyarakat Islam di Engkilili. Bagi memastikan segala aktiviti pengimarahannya berjalan dengan lancar, Jawatankuasa Pengurusan Masjid Darul Naaim telah ditubuhkan untuk mentadbir dan mengurus masjid tersebut.¹⁹

3.3.5 Masjid Salatul Rahman, Kampung Melayu Stumbin

Kira-kira 20 kilometer dari Bandar Sri Aman, terletaklah sebuah perkampungan melayu iaitu Kampung Melayu Stumbin. Di sini terdapatnya sebuah masjid iaitu Masjid Salatul Rahman yang dibina di atas sebidang tanah seluas satu ekar dengan kos perbelanjaan berjumlah RM 147 000. Masjid ini didirikan pada tahun 1999 dan siap sepenuhnya pada tahun 2003 serta mampu memuatkan seramai 350 orang jemaah.

Masjid ini menjadi tumpuan masyarakat Islam di sekitar kampung tersebut seperti Kampung Melayu Pangkat dan Kampung Skait serta masyarakat Islam yang bekerja sebagai pesawah dan pekebun. Kebanyakan penduduk di kawasan berhampiran

¹⁹ Maklumat diperolehi dari proses temubual dengan Penghulu Abdul Hamid bin Alwi, Bendahari Jawatankuasa Pengurusan Masjid Darul Naaim pada 22 Disember 2007. Sila lihat lampiran 1.8 dan lampiran 1.9.

menjadikan Masjid Salatul Rahman sebagai tempat untuk menunaikan solat Jumaat kerana perkampungan di sekitarnya hanya mempunyai surau. Masjid ini ditadbir dan diurus sepenuhnya oleh Jawatankuasa Pengurusan Masjid Salatul Rahman bagi menjalankan program-program hari kebesaran Islam. Di samping itu, masjid ini turut mengadakan majlis-majlis ilmu yang dijalankan secara kerjasama dengan Jabatan Kerajaan seperti KEMAS dan badan berkanun seperti HIKMAH.²⁰

3.3.6 Masjid Nahdatul Islam, Kampung Tanjung Bijat

Masjid Nahdatul Islam dibina di atas tapak seluas 561.92 meter persegi pada tahun 1990 dan menelan belanja sebanyak RM 75 000. Masjid ini terletak kira-kira 30 kilometer dari Bandar Sri Aman dan mampu memuatkan seramai 150 orang jemaah. Masjid ini ditadbir sepenuhnya oleh Jawatankuasa Pengurusan Masjid Nahdatul Islam yang berperanan merancang dan melaksanakan aktiviti bagi mengimarahkannya.

Masjid ini menjadi tumpuan masyarakat Islam di kampung tersebut dan masyarakat Islam di Kampung Baur Sri Aman. Masjid ini merupakan satu-satunya tempat untuk menunaikan solat Jumaat dan menjadi pusat keagamaan bagi masyarakat Islam di sekitar kawasan tersebut. Di samping menjalankan aktiviti keagamaan yang berbentuk ritual seperti bacaan Yasin, Tahlil dan ceramah-ceramah untuk hari kebesaran

²⁰ Maklumat diperolehi dari proses temubual dengan Tuan Haji Awang Shipuddin bin Awang Way, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid Salatul Rahman pada 20 Disember 2007. Sila lihat lampiran 1.8 dan lampiran 1.9.

Islam, ia juga berperanan sebagai pusat ilmu dengan adanya kelas agama seperti kelas Fardu 'Ain yang dibimbing oleh Guru Takmir dan Pegawai Masjid.²¹

3.3.7 Masjid Bahagia, Kampung Bakong

Masjid Bahagia Kampung Bakong terletak 31 kilometer dari Bandar Sri Aman. Masjid ini siap dibina pada tahun 2002 dengan kos sebanyak RM 120 000 dan mampu menampung seramai 210 orang jemaah. Masjid ini ditadbir dan diurus sepenuhnya oleh Jawatankuasa Pengurusan Masjid Bahagia yang bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran dan pengimarahannya bagi memberi kefahaman Islam kepada masyarakat kampung.

Masjid ini menjadi pusat keagamaan bagi masyarakat Islam di kampung tersebut. Walaupun masjid ini masih memerlukan banyak lagi pembangunan dari segi prasarana dan infrastruktur, namun pembangunan aktiviti pengimarahannya dan program pendedahan tentang kefahaman Islam kepada penduduk setempat perlu didukung agar pembangunan sebenar iaitu pembangunan material dan kerohanian masyarakat menjadi kenyataan.²²

²¹ Maklumat diperolehi dari proses temubual dengan Encik Aid bin Buang, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid Nahdatul Islam pada 27 Disember 2007. Sila lihat lampiran 1.8 dan lampiran 1.9.

²² Maklumat diperolehi dari proses temubual dengan Encik Ibrahim bin Ayup, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid Bahagia pada 19 Disember 2007. Sila lihat lampiran 1.8 dan lampiran 1.9.

3.3.8 Masjid Kampung Pulau Seduku

Masjid Kampung Pulau Seduku terletak di tepi sungai Batang Lumar. Ia merupakan satu-satunya masjid di Bahagian Sri Aman yang masih menggunakan perahu untuk dikunjungi. Perjalanan ke masjid berkenaan adalah sejauh 31 kilometer dari Bandar Sri Aman ke Kampung Bakong, kemudiannya menaiki perahu selama 45 minit perjalanan laut dari Kampung Bakong ke Kampung Pulau Seduku.

Masjid ini dibina pada 25 Oktober 1990 dengan kos RM 120 000 dan mampu memuatkan seramai 180 orang jemaah. Ia ditadbir sepenuhnya oleh jawatankuasa pengurusan masjid yang dipilih oleh penduduk kampung tiga tahun sekali. Dengan kemudahan perhubungan yang berjadual dan terhad, masjid ini jarang menjalankan program-program yang dianjurkan oleh kerajaan atau badan-badan berkanun. Kebanyakan aktiviti yang dijalankan oleh jawatankuasa pengurusan masjid adalah berbentuk hari kebesaran Islam dan terdapat juga program kelas agama yang dibimbing oleh Guru Takmir atau Pegawai Masjid.²³

Dengan ini, Bahagian Sri Aman mempunyai lapan buah masjid yang terdiri daripada empat kategori iaitu; masjid gred satu,²⁴ masjid gred dua, masjid gred tiga dan

²³ Maklumat diperolehi dari proses temubual dengan Encik Sulaiman bin Endeng, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid Kampung Pulau Seduku pada 20 Disember 2007. Sila lihat lampiran 1.8 dan lampiran 1.9.

²⁴ Masjid gred satu merujuk kepada status Masjid Bahagian, masjid gred dua merujuk kepada status Masjid Daerah, masjid gred tiga adalah status Masjid Daerah Kecil dan masjid gred empat adalah status Masjid Kariah atau Mukim. Maklumat diperolehi dari proses temubual dengan Encik Nazar bin Hamdan, Pegawai Agama Islam Bahagian Sri Aman pada 29 November 2007 di PAIB Sri Aman. Sila lihat lampiran 1.8 dan lampiran 1.10.

masjid gred empat. Masjid gred satu merujuk kepada Masjid Bandar Sri Aman, masjid gred dua adalah Masjid Nurul Huda Lubok Antu, masjid gred tiga adalah Masjid Al-Hana Lingga dan Masjid Darul Naaim Engkilili. Masjid gred empat ataupun masjid kariah pula adalah Masjid Salatul Rahman Kampung Stumbin, Masjid Bahagia Kampung Bakong, Masjid Nahdatul Islam Kampung Tanjung Bijat dan Masjid Kampung Pulau Seduku.

3.4 Aliran Perwakilan Autoriti

Bagi memastikan institusi masjid sentiasa diimarahkan dan fizikal masjid sentiasa terpelihara, Kerajaan Negeri Sarawak (KNS) telah meluluskan ordinan yang berkaitan dengan institusi masjid. Berdasarkan ordinan ini, segala proses perlantikan AJKPM hendaklah dilakukan melalui MIS. Dalam Bab 41, Ordinan MIS 2001 menjelaskan bahawa :²⁵


“Majlis boleh melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya patut untuk menguruskan atau menjaga mana-mana masjid dan jawatankuasa itu hendaklah menunaikan fungsi-fungsinya di bawah arahan Majlis.”

Berdasarkan ordinan ini, aliran perwakilan autoriti kepada AJKPM digambarkan seperti dalam rajah 3.1. KNS yang berada dipuncak kuasa mewakilkan autoriti yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam kepada sebuah badan yang dikenali sebagai

²⁵ Sila lihat Majlis Islam Sarawak (2001), *Undang-Undang Sarawak : Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001*. Sarawak, h. 37-38.

MIS. MIS kemudiannya mewakilkan autoriti tersebut kepada beberapa buah jabatan dan badan berkanun seperti JAIS, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS), Pejabat Mufti Negeri Sarawak, Lembaga Hal Ehwal Islam dan Adat Melayu, Lembaga Masjid-Masjid, Lembaga Baitulmal dan Wakaf serta Lembaga Fatwa.²⁶

Rajah 3.1 : Carta Perwakilan Autoriti



Sumber : Jabatan Agama Islam Sarawak dan Pejabat Agama Islam Bahagian Sri Aman, tahun 2007.

²⁶ Sila lihat lampiran 1.4.

Antara autoriti yang diwakilkan oleh KNS kepada JAIS adalah berkaitan dengan pengurusan dan pengimarahannya institusi masjid. Melalui autoriti ini, JAIS pula mewakilkannya kepada Pejabat Agama Islam di bahagian-bahagian di negeri Sarawak. PAIB pula menugaskan Pegawai Naqib dalam semua urusan yang berkaitan dengan institusi masjid. Akhirnya, tanggungjawab tersebut pula diwakilkan kepada AJKPM yang dilantik secara sah oleh MIS berdasarkan ordinan yang telah diperuntukkan.

Dalam proses perwakilan autoriti ini, AJKPM diberi kuasa sepenuhnya untuk memakmurkan institusi masjid selagi tidak menyalahi syaria Islam. Dengan erti kata lain, AJKPM dibenarkan untuk merancang segala aktiviti yang mendatangkan faedah untuk masyarakat setempat tanpa halangan dan kekangan daripada pihak MIS. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang mana AJKPM tidak mempunyai autoriti untuk melakukannya seperti perlantikan dan pendaftaran AJKPM, perlantikan dan pembaharuan Pegawai Masjid, kebenaran mendirikan solat Jumaat dan lain-lain lagi.

Sehubungan itu, bagi memastikan AJKPM memahami fungsi dan peranan mereka untuk memakmurkan institusi masjid, pihak JAIS atau PAIB dan JAKIM sering mengadakan konvensyen pengurusan masjid, seminar pengurusan masjid, bengkel pengurusan masjid dan mengarah Pegawai Naqib di bahagian masing-masing agar sentiasa memantau serta memberi penjelasan kepada AJKPM bagi memastikan pentadbiran dan perancangan aktiviti pengimarahannya masjid sentiasa berjalan dengan lancar.

3.4.1 Peranan Agensi Berkaitan Dalam Aliran Perwakilan Autoriti

Proses perwakilan autoriti daripada KNS kepada AJKPM di Bahagian Sri Aman melibatkan beberapa agensi kerajaan seperti MIS, JAIS dan PAIB Sri Aman. Kesemua agensi tersebut memainkan peranan yang penting bagi memastikan kelancaran proses perwakilan autoriti dan keberkesanan pelaksanaannya. Antara peranan MIS, JAIS atau PAIB Sri Aman dan AJKPM dalam proses perwakilan autoriti adalah seperti berikut :

3.4.1.1 Majlis Islam Sarawak

MIS merupakan agensi yang bertanggungjawab terhadap institusi masjid dan berperanan memegang amanah umat Islam di Sarawak. Dengan ini, setiap hal ehwal yang berkaitan dengan institusi masjid hendaklah melalui dan mendapat kelulusan daripada MIS. Di samping itu, bagi memastikan amanah umat Islam di Sarawak terhadap institusi masjid terpelihara, bangunan masjid dan tapak tanah masjid berkenaan hendaklah diwaqafkan kepada MIS. Secara tidak langsung, status tanah masjid adalah menjadi milik bersama masyarakat Islam di Sarawak kecuali tanah-tanah yang dimiliki oleh lembaga amanah kebajikan di kawasan masing-masing.

MIS yang bertindak berdasarkan nasihat dan saranan daripada JAIS bertanggungjawab melantik serta memperbaharui perlantikan AJKPM.²⁷ AJKPM yang telah dilantik pula dikehendaki mengisi dan menandatangani borang penerimaan jawatan.

²⁷ Sila lihat lampiran 3.3.

Borang tersebut kemudiannya dikembalikan kepada MIS sebagai tanda persetujuan. Ia merupakan pengakuan dan janji daripada AJKPM untuk sedia berkhidmat kepada institusi masjid berdasarkan syarat-syarat dan senarai tugas yang telah ditetapkan.²⁸

Sementara itu, MIS juga berperanan dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Masjid,²⁹ perlantikan Pegawai Masjid,³⁰ perlantikan semula Pegawai Masjid, perletakan jawatan Pegawai Masjid, perlantikan dan pembaharuan Guru Takmir, tauliah kebenaran mengajar, memberi kebenaran untuk menaik taraf surau ke masjid, kebenaran membina masjid atau surau, pendaftaran masjid atau surau, kebenaran mendirikan solat Jumaat, penggredan semula masjid dan kebenaran merobohkan masjid.

²⁸ Sila lihat lampiran 3.4.

²⁹ Skim perkhidmatan Pegawai Masjid merujuk kepada Pegawai Masjid yang telah mendapat perlantikan yang sah daripada MIS. Skim ini menyediakan saguhati berbentuk bulanan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak. Saguhati daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM 450 sebulan hanya diberikan kepada Imam Satu, Imam Dua dan Imam Tiga bagi kesemua masjid tanpa mengira gred masjid berkenaan. Selain saguhati daripada Kerajaan Persekutuan, Imam Satu juga mendapat saguhati daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM 200 sebulan bagi masjid gred satu, RM 150 sebulan bagi masjid gred dua, RM 100 sebulan bagi masjid gred tiga dan RM 80 sebulan bagi masjid gred empat. Imam Dua pula mendapat saguhati daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM 170 sebulan bagi masjid gred satu, RM 120 sebulan bagi masjid gred dua, RM 80 sebulan bagi masjid gred tiga dan RM 60 sebulan bagi masjid gred empat. Manakala Bilal pula hanya mendapat saguhati daripada Kerajaan Negeri Sarawak sebanyak RM 350 sebulan bagi masjid gred satu, RM 300 sebulan bagi masjid gred dua dan RM 250 sebulan bagi masjid gred tiga dan empat. Merbot pula mendapat saguhati daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM 300 sebulan bagi masjid gred satu, RM 250 sebulan bagi masjid gred dua dan RM 200 sebulan bagi masjid gred tiga dan empat. Nazar bin Hamdan (2007) *op. cit.*

³⁰ Sila lihat lampiran 3.5.

3.4.1.2 Jabatan Agama Islam Sarawak dan Pejabat Agama Islam

Bahagian Sri Aman

Selain melaksanakan dasar MIS, JAIS juga selaku setiausaha berperanan dalam memberi nasihat serta saranan kepada MIS tentang hal ehwal yang berkaitan masjid-masjid di Sarawak. JAIS melalui wakilnya di setiap bahagian di negeri Sarawak iaitu PAIB, memainkan peranannya sebagai penghubung antara MIS dan AJKPM. Ia juga berperanan menjadi urusetia MIS dalam melaksanakan dasar-dasar yang telah ditetapkan, terutamanya berkaitan dengan institusi masjid. Antara peranan tersebut adalah; menjadi urusetia pendaftaran dan pembaharuan AJKPM, perlantikan dan pembaharuan Pegawai Masjid, perlantikan dan pembaharuan Guru Takmir, permohonan membina dan merobohkan masjid atau surau, permohonan mendirikan solat Jumaat, menyediakan teks khutbah dan lain-lain lagi.

Bagi memastikan matlamat terhadap masjid tercapai, terutamanya dalam proses pengimaran, JAIS berusaha menjelaskan peranan dan bidang tugas setiap AJKPM melalui konvensyen-konvensyen,³¹ seminar-seminar, bengkel-bengkel, dan penjelasan dari semasa ke semasa oleh Pegawai Naqib. Di samping itu, JAIS juga telah melantik seramai 28 orang Pegawai Naqib bagi seluruh negeri Sarawak dan telah menghantar pegawai tersebut ke bahagian masing-masing termasuklah seorang Pegawai Naqib ke Bahagian Sri Aman.

³¹ Sila lihat lampiran 3.6.

a. Pegawai Hal Ehwal Islam (Naqib) PAIB Sri Aman

Unit Masjid dan Surau di PAIB Sri Aman diketuai oleh seorang Pegawai Hal Ehwal Islam atau Naqib. Ia berperanan menyelaras setiap hal ehwal yang berkaitan dengan masjid dan perlantikan Pegawai Masjid seperti Imam Satu, Imam Dua, Imam Tiga, Bilal, Marbot,³² Guru Takmir³³ serta perlantikan Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau,³⁴ proses pendaftaran masjid³⁵ dan surau serta lain-lain lagi yang berkaitan. Kemudiannya, Unit Masjid dan Surau juga berperanan menyelaras serta memantau aktiviti pengimaran masjid dan surau di seluruh Bahagian Sri Aman.

Jawatan Pegawai Naqib merupakan jawatan baru yang diwujudkan khas untuk memastikan setiap urusan yang berkaitan dengan masjid dan surau dijalankan dengan berkesan. Oleh itu, Pegawai Naqib bertanggungjawab menyediakan laporan untuk Pengarah JAIS. Mereka juga berperanan sebagai pegawai perhubungan untuk menyampaikan maklumat terkini tentang perkembangan pengurusan dan pentadbiran masjid kepada seluruh AJKPM, Pegawai Masjid dan juga masyarakat umum.

Secara tidak langsung, peranan Pegawai Naqib adalah sebagai pemantau, penasihat dan pembimbing AJKPM untuk melakukan perancangan aktiviti pengimaran. Mereka juga dipertanggungjawabkan untuk meminta dan memeriksa laporan, sama ada berbentuk aktiviti pengimaran atau keperluan kewangan. Hasil

³² Sila lihat lampiran 3.7.

³³ Sila lihat lampiran 3.8.

³⁴ Sila lihat lampiran 3.9.

³⁵ Sila lihat lampiran 3.10.

daripada laporan tersebut, jabatan atau agensi lain akan mengeluarkan bantuan sama ada berbentuk kewangan bagi pembinaan masjid dan surau baru, keperluan asas masjid, membaik pulih masjid dan sebagainya.

3.4.1.3 Ahli Jawatankuasa Pengurusan Masjid

Selaku organisasi yang dilantik oleh MIS untuk mengawalselia dan mentadbir institusi masjid, AJKPM mempunyai autoriti yang luas untuk merancang program-program pengimarahannya. Mereka boleh mengadakan pelbagai program yang melibatkan semua aspek kehidupan seperti ekonomi, sains dan teknologi, pengurusan dan sebagainya.³⁶ Namun, masih terdapat beberapa perkara di luar bidang kuasa AJKPM seperti pembaharuan AJKPM dan Pegawai Masjid, kebenaran mendirikan solat Jumaat, membina serta merobohkan masjid dan lain-lain lagi.

Walau bagaimanapun, AJKPM masih berperanan penting terhadap PAIB Sri Aman dan MIS. Peranan tersebut adalah memberi cadangan kepada PAIB Sri Aman tentang calon-calon untuk AJKPM³⁷ dan Pegawai Masjid melalui minit mesyuarat.³⁸

³⁶ Sila lihat bab satu (AJKPM).

³⁷ Sila lihat perkara 2 dalam minit mesyuarat Lembaga Amanah Kebajikan Orang Islam Lubok Antu, 13 November 2006, bil. 7/2006. Lihat juga perkara 2 dalam minit mesyuarat AJKPM Masjid Nahdatul Islam Tanjung Bijat, 9 Disember 2006. Dan juga perkara 2 dalam minit mesyuarat AJKPM Masjid Kampung Pulau Seduku, 11 November 2006. Dan juga perkara 2 dalam minit mesyuarat AJKPM Masjid Nurul Huda Lubok Antu, 25 November 2006, bil. 10/2006.

³⁸ Sila lihat perkara 3 dalam Lembaga Amanah Kebajikan Orang Islam Lubok Antu (2006) *op. cit.*. Dan juga perkara 3 dalam Masjid Nahdatul Islam Tanjung Bijat (2006) *op. cit.*. Dan juga perkara 3 dalam Masjid Kampung Pulau Seduku (2006) *op. cit.*. Dan juga perkara 4 dalam Masjid Nurul Huda Lubok Antu (2006) *op. cit.*. Lihat juga perkara 2 dalam minit mesyuarat AJKPM Masjid Al-Hana Lingga, 26 November 2006, bil. 10/2006. Dan juga perkara 2 dalam minit mesyuarat AJKPM Masjid Darul Naa'im Engkilili, 12

AJKPM juga berperanan mengemukakan cadangan atau permohonan untuk mendirikan solat Jumaat, pembinaan masjid baru dan sebagainya. AJKPM juga digalakkan untuk menjalin kerjasama dengan badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan bagi mengadakan dan membentuk kepelbagaian aktiviti pengimarahannya.³⁹ Di samping itu, mereka juga dikehendaki menyediakan maklumat berkaitan dengan ahli kariah masing-masing seperti jumlah ahli kariah, demografi ahli kariah dan sebagainya.

Dengan ini, dapat kita fahami bahawa dalam bidang pentadbiran seperti perlantikan Pegawai Masjid dan urusan kewangan, AJKPM masih tertakluk kepada prosedur-prosedur khusus sebagaimana yang telah ditetapkan oleh MIS. AJKPM dikehendaki melaksanakan tugas-tugas pentadbiran berdasarkan kepada prosedur-prosedur tertentu dan PAIB Sri Aman berperanan memastikan segala arahan pentadbiran dilaksanakan oleh AJKPM dengan baik. Manakala kebolehan AJKPM untuk merancang dan merangka aktiviti-aktiviti adalah bergantung kepada kemahiran masing-masing. Oleh yang demikian, MIS dan JAIS tidak menetapkan sebarang bentuk perancangan yang formal atau prosedur khusus kepada AJKPM, kerana memberi kebebasan kepada AJKPM untuk merancang aktiviti masjid.⁴⁰

Disember 2006, bil 14/2006. Dan juga perkara 2 dalam minit mesyuarat AJKPM Masjid Salatul Rahman Stumbin 10 Disember 2006. Dan juga perkara 2 dalam minit mesyuarat AJKPM Masjid Bahagia Bakong, 15 Disember 2006.

³⁹ Nazar bin Hamdan (2007) *op. cit.*

⁴⁰ Sila lihat lampiran 3.11.

3.5 Program Pemantapan Perwakilan Autoriti Dalam Proses Perancangan Institusi Masjid

JAIS dan JAKIM sering mengadakan program pengukuhan pengurusan dan pentadbiran kepada AJKPM seperti seminar, konvensyen dan bengkel. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada AJKPM tentang perubahan yang berlaku terhadap pentadbiran, pengurusan dan perkembangan semasa institusi masjid. Selain itu, JAIS dan JAKIM juga menyediakan bahan bacaan sama ada berbentuk buku ataupun kertas kerja untuk rujukan dan panduan AJKPM.

3.5.1 Seminar, Konvensyen dan Bengkel Pengurusan Masjid

Seminar atau konvensyen pengurusan masjid yang sering diadakan oleh JAIS dan JAKIM adalah untuk memberi pendedahan kepada AJKPM tentang tatacara pengurusan dan pentadbiran. Program tersebut diadakan setahun sekali iaitu Seminar Pembangunan Masjid Negeri Sarawak Zon Betong, Sri Aman dan Sarikei yang diadakan di Daerah Saratok Betong pada tahun 2004 anjuran JAIS. Bengkel Pengurusan Masjid di Pusat Latihan Islam Sarawak di Telaga Air Kuching pada tahun 2005 yang dianjurkan oleh JAKIM. Konvensyen Pengurusan Masjid Negeri Sarawak Zon Sarikei, Betong dan Sri Aman di Sarikei pada tahun 2006 anjuran JAIS, dan Konvensyen Pengurusan Masjid Dan Surau Negeri Sarawak 2007 di Hotel Crown Plaza Kuching yang dianjurkan oleh JAIS

dengan kerjasama Tabung Baitulmal Sarawak dan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak.

Dalam seminar, konvensyen dan bengkel tersebut, peserta dijelaskan tentang peranan institusi masjid dan AJKPM, kaedah pengurusan dan pentadbiran masjid serta surau, prosedur perantikan Pegawai Masjid dan Guru Takmir, perantikan dan pembaharuan AJKPM, prosedur kewangan masjid, peningkatan program pengimarahannya institusi masjid dan sebagainya. Peserta dijelaskan tentang pelbagai strategi dan saranan untuk meningkatkan program pengimarahannya masjid seperti memperkenalkan pelbagai produk dengan menggunakan pelbagai pendekatan baru.⁴¹

Peranan dan fungsi perwakilan autoriti untuk merancang aktiviti pengimarahannya dilakukan dengan hanya menjelaskan tugas setiap ahli dalam AJKPM. Penjelasan tersebut berkisar kepada tugas dan tanggungjawab Pengerusi, Setiausaha, Bendahari serta ahli-ahli lain dalam pengurusan masjid. Seterusnya, seminar, konvensyen dan bengkel tersebut hanya menjelaskan tentang asas-asas perancangan sahaja. Seandainya ada sekalipun yang membahaskan tentang perancangan, fungsi perancangan seperti pembentukan matlamat, analisis, pemilihan strategi, pelaksanaan dan kawalan dinyatakan secara umum.⁴² Ia tidak dijelaskan secara terperinci seperti bagaimana untuk membentuk matlamat, bagaimana untuk membentuk strategi dan bagaimana untuk melakukan analisis.

⁴¹ Sila lihat lampiran 3.12.

⁴² Sila lihat lampiran 3.13.

3.5.2 Bahan Bacaan

Selain pendedahan secara formal melalui seminar, konvensyen dan bengkel kepada AJKPM, peserta juga didedahkan dengan bahan bacaan seperti kertas kerja seminar, kertas kerja konvensyen dan kertas kerja bengkel. Di samping itu, mereka juga dibekalkan dengan bahan bacaan umum seperti buku dan majalah yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran institusi masjid.

Antara kertas kerja yang diberi secara percuma kepada AJKPM adalah Koleksi Kertas Kerja Pengurusan Masjid,⁴³ Ijtimak Pengurusan Masjid Dan Surau Negeri Sarawak,⁴⁴ Kertas Kerja Seminar Pembangunan Masjid Negeri Sarawak⁴⁵ serta Kertas Kerja Konvensyen Pengurusan Masjid Dan Surau Negeri Sarawak 2006.⁴⁶ Manakala bahan bacaan pula adalah Kaedah Pengurusan Masjid & Surau Negeri Sarawak Dan Prosedur Kewangan⁴⁷ serta Kaedah Pengurusan Masjid & Surau Negeri Sarawak Tahun 2005.⁴⁸

Kertas kerja dan bahan bacaan yang diberikan kepada AJKPM menjelaskan tentang peranan setiap AJKPM terhadap bidang tugas masing-masing seperti;⁴⁹ Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan ahli-ahlinya. Selain itu, dijelaskan juga tentang

⁴³ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2002), *Koleksi Kertas Kerja Pengurusan Masjid*. Kuala Lumpur.

⁴⁴ Jabatan Agama Islam Sarawak (t.t.), *Ijtimak Pengurusan Masjid Dan Surau Negeri Sarawak*. Kuching.

⁴⁵ Majlis Islam Sarawak (t.t.), *Kertas Kerja Seminar Pembangunan Masjid Negeri Sarawak*. Kuching.

⁴⁶ Majlis Islam Sarawak (2006), *Kertas Kerja Konvensyen Pengurusan Masjid Dan Surau Negeri Sarawak*. Kuching.

⁴⁷ Majlis Islam Sarawak (t.t.), *Kaedah Pengurusan Masjid & Surau Negeri Sarawak Dan Prosedur Kewangan*. Kuching.

⁴⁸ Majlis Islam Sarawak (2005), *Kaedah Pengurusan Masjid & Surau Negeri Sarawak*. Kuching.

⁴⁹ Sila lihat lampiran 3.4.

tanggungjawab AJKPM terhadap masjid di bawah kendalian mereka sebagaimana yang terdapat di dalam buku Kaedah Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sarawak.⁵⁰

Kebanyakan kertas kerja dan bahan bacaan tersebut tidak menjelaskan secara terperinci tentang autoriti dan proses perancangan bagi mencapai matlamat pengurusan institusi masjid. Jika ada sekalipun, ia cuma menjelaskan tentang prinsip-prinsip asas perancangan seperti konsep dan maksud perancangan. Kemudiannya, ia hanya menyentuh tentang pengimarahannya dengan menyediakan pelbagai program dan aktiviti untuk meningkatkan proses pengimarahannya.⁵¹ Terdapat juga kertas kerja yang hanya menyentuh tentang konsep pembentukan matlamat⁵² dan sedikit tentang kepentingan perancangan.⁵³

3.6 Aktiviti-Aktiviti Di Institusi Masjid Bahagian Sri Aman

Aktiviti pengimarahannya institusi masjid di Bahagian Sri Aman terbahagi kepada tiga iaitu aktiviti tahunan, aktiviti berkala dan aktiviti mingguan. Ketiga-tiga kategori ini memainkan peranan penting untuk memastikan setiap AJKPM dapat menentukan perancangan bagi institusi masjid di bawah kendalian mereka.

⁵⁰ Sila lihat bab satu (AJKPM).

⁵¹ Sila lihat lampiran 3.12.

⁵² Kertas kerja ini tidak menjelaskan secara terperinci tentang proses pembentukan matlamat, ciri-ciri matlamat yang baik dan bagaimana bentuk matlamat yang boleh dijadikan panduan untuk membentuk rangka kerja. Sila lihat lampiran 3.13.

⁵³ AJKPM disaran agar berpandukan kepada "Apa, Siapa, Bagaimana dan Bila", untuk membentuk perancangan. Sila lihat lampiran 3.14.

3.6.1 Aktiviti Mingguan

Aktiviti mingguan merujuk kepada aktiviti yang dilakukan setiap minggu bermula dari awal tahun sehinggalah ke akhir tahun. Aktiviti ini sentiasa dilaksanakan secara berjadual pada setiap minggu seperti kelas al-Quran, kelas Fardu 'Ain, Kuliah Maghrib, Kuliah Subuh serta bacaan Yasin dan Tahlil.

3.6.1.1 Kelas Mengaji al-Quran

Kesemua masjid di Bahagian Sri Aman sering menganjurkan kelas bimbingan membaca al-Quran. Kebiasaannya, kelas tersebut dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu dua kumpulan untuk mengaji Muqaddam atau *Iqra'* bagi golongan dewasa dan kanak-kanak. Dua kumpulan lagi adalah kelas membaca al-Quran untuk golongan dewasa dan kanak-kanak. Kelas mengaji dijalankan sama ada di bawah bimbingan Pegawai Masjid, Guru Takmir atau dibimbing oleh tenaga pengajar jemputan. JAKIM pula, turut memberi imbuhan atau saguhati kepada guru-guru agama yang mengajar al-Quran di masjid-masjid dengan kadar RM 240.00 sebulan.⁵⁴ JAKIM melalui PAIB Sri Aman telah meluluskan sebanyak sembilan guru agama untuk mengajar masyarakat kampung membaca al-Quran bagi tahun 2007.

⁵⁴ Maklumat diperolehi dari proses temubual dengan Pengerusi dan Wakil Pengerusi pada 29 November 2007 hingga 27 Disember 2007. Sila lihat lampiran 1.8 dan lampiran 1.9.

3.6.1.2 Kelas Fardu ‘Ain

Kelas Fardu ‘Ain merujuk kepada kelas bimbingan agama yang dibimbing oleh Pegawai Masjid, Guru Takmir atau dibimbing oleh tenaga pengajar jemputan. Selain mengajar al-Quran, sebahagian Guru Takmir juga berperanan mengajar perkara-perkara asas Islam kepada masyarakat di sekitar masjid tersebut. Kebiasaannya, kelas ini dijalankan sebanyak sekali seminggu iaitu pada waktu senggang antara solat Maghrib dan Isyak. Terdapat juga kelas yang dijalankan sebanyak dua kali seminggu dan ia berdasarkan kepada permintaan masyarakat kampung serta inisiatif guru pembimbing itu sendiri.⁵⁵

3.6.1.3 Kuliah Maghrib atau Subuh

Kuliah Maghrib atau Subuh yang sering dijalankan di masjid-masjid adalah ceramah-ceramah umum atau yang tiada berkaitan dengan sesuatu tema hari kebesaran Islam. Ia diadakan selain daripada sambutan hari kebesaran Islam. Kadangkala tajuk ceramah yang disampaikan berkaitan dengan isu-isu semasa seperti bencana Tsunami, keruntuhan akhlak, hari kemerdekaan dan lain-lain lagi. Kebiasaannya, kuliah Maghrib atau Subuh ini disampaikan oleh penceramah jemputan, iaitu ustaz dari PAIB Sri Aman dan ustaz-ustaz sekolah yang mengajar di sekitar Bandar Sri Aman.⁵⁶

⁵⁵ *ibid.*

⁵⁶ *ibid.*

3.6.1.4 Bacaan Yasin dan Tahlil

Bacaan Yasin dan Tahlil kebiasaannya dilakukan pada malam Jumaat di seluruh masjid dan surau di Bahagian Sri Aman. Bacaan Yasin dan Tahlil merupakan kewajipan bagi semua AJKPM di bahagian ini. Aktiviti ini diketuai oleh Imam Satu atau Imam Dua atau Imam Tiga di masjid berkenaan sementara menunggu solat Isyak. Selain itu, terdapat juga permintaan untuk tujuan tertentu ataupun permintaan khas agar aktiviti ini dilakukan pada malam selain daripada malam Jumaat dan disertakan sekali dengan bacaan Doa Selamat.⁵⁷

3.6.2 Aktiviti Berkala

Aktiviti berkala merujuk kepada aktiviti selain daripada aktiviti tahunan dan aktiviti mingguan. Kekerapan aktiviti berkala adalah sebanyak dua atau tiga kali dalam setahun. Terdapat juga aktiviti berkala diadakan setahun sekali dengan tidak dijadikan sebagai aktiviti wajib tahunan. Aktiviti ini dilakukan kerana terdapatnya permintaan daripada pihak tertentu seperti pihak berkuasa tempatan, masyarakat kampung ataupun aktiviti sampingan bagi sesuatu perayaan yang dijalankan di kawasan tersebut.⁵⁸ Antara aktiviti berkala yang sering dianjurkan oleh AJKPM adalah : gotong-royong, kursus pengurusan jenazah, bengkel amali solat, forum atau mini forum, musābaqah al-Quran dan lain-lain lagi.

⁵⁷ *ibid.*

⁵⁸ Nazar bin Hamdan (2007) *op. cit.*

3.6.3 Aktiviti Tahunan

Aktiviti tahunan merupakan aktiviti wajib tahunan atau aktiviti yang sering dianjurkan oleh AJKPM pada setiap tahun. Dengan erti kata lain, aktiviti tahunan berkait rapat dengan hari kebesaran Islam yang disambut oleh umat Islam di seluruh dunia amnya dan di Malaysia khususnya.⁵⁹

3.6.3.1 Maal Hijrah

Kebanyakan masjid di Bahagian Sri Aman mengadakan Sambutan Maal Hijrah dalam bentuk ceramah agama pada waktu senggang antara solat Maghrib dan Isyak. Kebiasaannya, tajuk ceramah adalah berkaitan dengan penghijrahan Rasulullah s.a.w., peranan, fungsi dan pengiktibaran yang dapat diambil oleh masyarakat Islam pada zaman sekarang. Para penceramah pula kebiasaannya terdiri daripada kakitangan PAIB Sri Aman, ustaz-ustaz sekolah dan ustaz-ustaz di jabatan-jabatan kerajaan seperti Rajemen Askar Melayu Di-Raja Kem Pakit dan Jabatan Penjara Malaysia Bahagian Sri Aman.⁶⁰

⁵⁹ *ibid.*

⁶⁰ Pengerusi dan Wakil Pengerusi (2007), *op. cit.*

3.6.3.2 Maulidur Rasul

Sempena memperingati hari kelahiran Nabi Muhammad s.a.w., aktiviti yang sering dilakukan oleh AJKPM ialah mengadakan ceramah agama berkaitan dengan manfaat kedatangan Rasulullah s.a.w. ke dunia ini. Di samping itu, waktu pagi setiap 12 Rabiulawal diadakan majlis berselawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. Turut diadakan secara berkala ialah perarakan serta pertandingan Zikir Marhaban, nasyid dan kuiz agama untuk pelbagai peringkat umur.⁶¹

3.6.3.3 Israk Mikraj

Peristiwa Israk Mikraj merupakan peristiwa penting dalam Islam. Oleh yang demikian, AJKPM di Bahagian Sri Aman juga turut serta meraikan sambutan peristiwa tersebut dengan mengadakan ceramah-ceramah agama di masjid masing-masing. Kebiasaannya, tajuk ceramah yang disampaikan pada waktu senggang antara solat Maghrib dan Isyak adalah berkisar kepada peristiwa Israk Mikraj serta pengajaran yang boleh dijadikan panduan kepada umat Islam.⁶²

⁶¹ *ibid.*

⁶² *ibid.*

3.6.3.4 *Nisfu Sya'abān*

Kemuliaan malam *Nisfu Sya'abān* disambut oleh masyarakat Islam di Bahagian Sri Aman dengan mengadakan bacaan Yasin sebanyak tiga kali, Tahlil dan solat sunat. Kebiasaannya, program bacaan Yasin dan Tahlil dibimbing oleh Imam Satu, Imam Dua dan Imam Tiga masjid berkenaan. Terdapat juga masjid yang menambahkan aktiviti pada malam tersebut dengan mengadakan program ceramah agama pada waktu senggang antara solat Maghrib dan Isyak.⁶³

3.6.3.5 Sambutan Bulan Ramadan

Program sambutan bulan Ramadan merupakan satu tradisi yang diwarisi dari masyarakat yang terdahulu. Ia telah menjadi satu kewajipan bagi masyarakat Islam di Bahagian Sri Aman kerana setiap masjid dan surau akan mengadakan program sambutan tersebut. Bentuk sambutan program ini lebih kepada jamuan makan beramai-ramai dengan setiap penduduk kampung membawa jamuan ke masjid untuk dinikmati bersama.⁶⁴

Kebiasaannya, program ini diadakan pada petang 28 atau 29 *Sya'abān* pada tiap-tiap tahun sebelum ketibaan bulan Ramadan. Ia merupakan tanda syukur kepada Allah s.w.t. kerana telah dipertemukan kembali dengan bulan Ramadan yang seterusnya. Antara

⁶³ *ibid.*

⁶⁴ *ibid.*

pengisian yang terdapat dalam program ini ialah bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat yang dipimpin oleh imam-imam masjid atau surau.⁶⁵

3.6.3.6 Tarawih Ramadan

Solat Sunat Tarawih di seluruh Bahagian Sri Aman dilakukan sebanyak 20 rakaat dan solat Sunat Witr sebanyak tiga rakaat. Ini selaras dengan arahan daripada Pejabat Mufti Negeri Sarawak yang menyarankan agar setiap masjid dan surau di Negeri Sarawak menghidupkan malam Ramadan dengan solat sunat sebanyak 23 rakaat.⁶⁶ Kebiasaannya, AJKPM akan menyediakan jadual khas dan melantik imam-imam yang terdiri daripada masyarakat kampung atau imam jemputan bagi mengetuai solat Sunat Tarawih dan Witr.

Dalam bulan ini, ramai masyarakat kampung hadir ke masjid untuk bersama-sama menunaikan solat Sunat Tarawih. Pada permulaan Ramadan, keadaan dalam masjid akan menjadi sesak kerana kehadiran masyarakat kampung begitu menggalakkan. Pertengahan Ramadan pula, jumlah tersebut semakin berkurangan sehinggalah ke akhir Ramadan. Terdapat juga di sesetengah masjid dan surau di bahagian ini menjemput para *Hafiz* bagi mengimami solat Sunat Tarāwīh dan menghabiskan 30 *juzu'* al-Quran dalam bulan tersebut.⁶⁷

⁶⁵ *ibid.*

⁶⁶ Nazar bin Hamdan (2007) *op. cit.*

⁶⁷ Pengerusi dan Wakil Pengerusi (2007), *op. cit.*

3.6.3.7 Tadarus al-Quran

Tadarus al-Quran merupakan aktiviti wajib yang mesti dijalankan di sepanjang bulan Ramadan bagi AJKPM di Bahagian Sri Aman. Aktiviti ini dilakukan setelah selesainya solat Sunat Tarawih dan selepas jamuan ringan malam. AJKPM di setiap masjid akan memastikan program pembacaan al-Quran berterusan dari malam pertama Ramadan sehinggalah menjelang satu Syawal. Pada pagi satu Syawal atau Hari Raya Pertama pula, majlis Khatam al-Quran diadakan setelah selesai menunaikan solat Sunat Aidilfitri.

Kebanyakan peserta yang terlibat dalam aktiviti ini terdiri daripada anak-anak kecil, pemuda-pemudi dan golongan warga emas. Bagi menggalakkan penyertaan orang ramai, AJKPM menyediakan saguhati kepada setiap anak-anak kecil dan pemuda pemudi yang turut serta dalam program bertadaraus al-Quran. Pemberian saguhati kepada peserta adalah berdasarkan penyertaan dan sumbangan mereka dalam program tersebut.⁶⁸

3.6.3.8 Nuzul al-Quran

Pada malam 17 Ramadan setiap tahun, AJKPM mengadakan aktiviti ceramah bagi memberkati malam tersebut. Kehadiran masyarakat Islam pada malam tersebut adalah sama dengan jumlah kehadiran mereka yang menunaikan solat Sunat Tarawih secara

⁶⁸ *ibid.*

berjemaah. Kandungan program ceramah⁶⁹ yang diadakan adalah berkisar kepada keistimewaan al-Quran, tujuan penurunan al-Quran dan proses penurunan al-Quran.⁷⁰

3.6.3.9 Majlis Khatam al-Quran

Majlis Khatam al-Quran dilakukan setelah selesai solat Sunat Aidilfitri. Ia dilakukan sebagai tanda syukur kepada Allah s.w.t. kerana telah menghabiskan 30 *juzu'* al-Quran dalam bulan Ramadan dan juga untuk memaklumkan kepada masyarakat kampung tentang perkara tersebut. Setiap peserta yang terlibat dalam program Tadarus al-Quran akan menerima saguhati daripada AJKPM kerana mereka telah membantu menjayakan program tersebut.⁷¹

3.6.3.10 Korban Aidiladha

Korban Aidiladha merupakan aktiviti yang jarang dilakukan oleh AJKPM kerana kesukaran untuk mendapatkan sumbangan. Namun, terdapat sesetengah masjid atau surau yang menjadikan program ini sebagai aktiviti tahunan kerana mereka mempunyai dana yang mencukupi, sumbangan daripada masyarakat kampung atau daripada mana-mana

⁶⁹ Sila lihat lampiran 3.15.

⁷⁰ Pengerusi dan Wakil Pengerusi (2007), *op. cit.*

⁷¹ *ibid.*

pihak yang terlibat. Majlis korban ini dilakukan setelah selesai solat Sunat Aidiladha pada 10 Zulhijjah sehingga 13 Zulhijjah.⁷²

3.6.3.11 Sambutan Hari Kemerdekaan

Sambutan hari kemerdekaan adalah program baru yang digalakkan kepada setiap AJKPM untuk menganjurkannya. Kebiasaannya program ini adalah berbentuk bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat atau Doa Kesyukuran. AJKPM digalakkan menganjur program ini sebagai tanda syukur kerana telah dianugerahkan kemerdekaan, untuk memperingati pengorbanan pejuang-pejuang yang terdahulu dan untuk memupuk semangat cintakan tanahair.

Di samping itu, terdapat juga AJKPM yang menganjurkan aktiviti ceramah sempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan. Tujuan PAIB Sri Aman menggalakkan program ini diadakan adalah untuk memberi gambaran kepada masyarakat bahawa institusi masjid bukan hanya digunakan untuk aktiviti-aktiviti keagamaan sahaja, malah ia juga dibolehkan untuk sebarang aktiviti yang mendatangkan faedah selagi tidak bertentangan dengan syaria Islam.⁷³

⁷² *ibid.*

⁷³ *ibid.*

3.6.3.12 Hari Keputeraan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Hari Keputeraan Yang Di-Pertua Negeri Sarawak

PAIB Sri Aman menggalakkan AJKPM menganjurkan aktiviti-aktiviti sempena dengan sambutan hari keputeraan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Yang Di-Pertua Negeri Sarawak. Antara pengisian bagi kedua-dua majlis ini ialah bacaan Yasin, Tahlil, tazkirah ringkas dan Doa Selamat ke atas kedua-dua pemimpin. Majlis seumpama ini merupakan majlis rasmi di peringkat bahagian dan daerah yang dianjurkan oleh pihak AJKPM dengan kerjasama agensi kerajaan yang terlibat. Secara tidak langsung, jemaah yang hadir ke majlis ini terdiri daripada ketua-ketua jabatan, wakil ketua-ketua jabatan, kakitangan kerajaan dan masyarakat kampung.⁷⁴

3.7 Sumber Dana Institusi Masjid

Bagi memastikan institusi masjid sentiasa berfungsi dengan sebaik yang mungkin, ia memerlukan dana yang mencukupi sama ada untuk aktiviti pengimarahannya ataupun untuk pembangunan fizikal masjid itu sendiri. Oleh itu, dana-dana ini diperolehi melalui sumbangan daripada pihak-pihak tertentu.

⁷⁴ *ibid.*

3.7.1 Sumber Kewangan Masjid

Institusi masjid di Bahagian Sri Aman memperoleh sumber kewangan untuk membiayai bil elektrik dan air serta penganjuran aktiviti melalui derma daripada masyarakat kampung, sumbangan daripada TBS, sumbangan daripada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta geran daripada wakil rakyat di kawasan berkenaan.

Namun, untuk mendapatkan sumbangan ini, AJKPM hendaklah membuat permohonan rasmi kepada agensi berkaitan melalui PAIB Sri Aman atau terus kepada agensi berkenaan. Manakala, sumbangan berbentuk geran pula dipohon terus kepada wakil rakyat atau TBS. Setiap permohonan yang diajukan terus kepada agensi kerajaan dan swasta tanpa melalui PAIB Sri Aman, permohonan tersebut terlebih dahulu akan dirujuk oleh agensi berkenaan atau wakil rakyat kepada PAIB Sri Aman. Ini adalah penting bagi menilai kebenaran permohonan atau mendapatkan status AJKPM yang memohon dan untuk mendapatkan perakuan serta sokongan bertulis dari PAIB Sri Aman. Kesemua rekod tersebut kemudiannya disimpan oleh PAIB Sri Aman dan dihantar balik ke agensi yang dipohon atau wakil rakyat untuk tindakan selanjutnya daripada pihak mereka.⁷⁵

Setelah mendapat sumbangan atau peruntukan atau geran daripada pihak berkaitan, Pegawai Naqib akan memantau perjalanan wang tersebut agar dibelanjakan secara berfaedah dan betul untuk manfaat ramai. AJKPM kemudiannya dikehendaki

⁷⁵ Sila lihat lampiran 3.16.

menyerahkan laporan kewangan apabila diminta oleh Pegawai Naqib atau menyerahkan laporan kewangan tersebut sebanyak dua kali setahun ke PAIB Sri Aman.⁷⁶

3.7.2 Permohonan Bina Baru, Baik Pulih Masjid Dan Kelengkapan Asas Masjid

Selain bantuan kewangan untuk membiayai bil-bil dan penganjuran aktiviti masjid, KNS juga menyediakan peruntukan khusus untuk pembangunan fizikal bangunan masjid. KNS telah membentuk satu jawatankuasa khas untuk tujuan tersebut, iaitu Jawatankuasa Pembangunan Masjid Dan Surau Negeri Sarawak (JKPM&SNS). Manakala di peringkat bahagian pula, KNS telah mengarah agar ditubuhkan satu jawatankuasa khas bagi membantu JKPM&SNS dalam pembangunan fizikal masjid, iaitu Jawatankuasa Pembangunan Masjid Dan Surau Bahagian Sri Aman (JKPM&SBSA).

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pejabat Residen Sri Aman dan PAIB Sri Aman pula selaku setiausaha. Setiap permohonan hendaklah diajukan kepada PAIB Sri Aman atau terus kepada pengerusi jawatankuasa.⁷⁷ Manakala, permohonan untuk bantuan kelengkapan asas masjid seperti sejadah, karpet, al-Quran dan lain-lain lagi hendaklah dipohon kepada PAIB Sri Aman. Permohonan tersebut seterusnya diajukan kepada Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Sri Aman.

⁷⁶ Nazar bin Hamdan (2007) *op. cit.*

⁷⁷ Sila lihat lampiran 3.17.

Setelah diluluskan oleh JKPM&SNS dan telah mendapat surat kuasa dari Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak, maka status permohonan yang dikemukakan oleh AJKPM dimaklumkan kepada JKPM&SBSA. Pada peringkat ini, proses pelaksanaan projek akan dimulakan setelah proses pengeluaran tender kepada kontraktor selesai dijalankan oleh Pejabat Daerah. Manakala, Pejabat Residen dan PAIB Sri Aman pula akan memantau perkembangan projek agar bersesuaian dengan spesifikasi yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh JKPM&SNS, Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak serta JKPM&SBSA. Ia bertujuan bagi memastikan setiap projek berjalan dengan lancar dan dapat mengelak dari berlakunya sebarang insiden yang tidak diingini.

Di samping itu, Pegawai Naqib pula akan membuat laporan tentang perkembangan projek dengan menyediakan laporan sebelum projek dimulakan, semasa projek dilaksanakan dan sesudah projek selesai dijalankan. Laporan tersebut adalah berbentuk laporan bertulis dan disertakan dengan lampiran bergambar. Laporan ini kemudiannya diserahkan kepada Pengarah JAIS selaku Setiausaha JKPM&SNS atau diserahkan kepada JKPM&SBSA jika perlu.⁷⁸

⁷⁸ Nazar bin Hamdan (2007) *op. cit.*

3.8 Kesimpulan

Berdasarkan Ordinan MIS 2001, MIS hendaklah menurunkan autoriti kepada AJKPM untuk mengurus dan mentadbir masjid di bawah seliaan mereka. Proses perwakilan autoriti ini bermula dari KNS melalui MIS, JAIS, PAIB Sri Aman dan seterusnya kepada Pegawai Naqib. Setiap agensi yang terlibat dalam proses perwakilan autoriti mempunyai fungsi masing-masing untuk memastikan proses perwakilan autoriti dan pengimarahannya berjalan dengan lancar. Pihak terlibat seperti JAIS dan JAKIM sering menganjurkan seminar atau konvensyen atau bengkel pengurusan masjid. Namun, kebanyakan seminar, konvensyen dan bengkel tersebut adalah berbentuk pengulangan kepada siri sebelumnya dan hanya memberi penekanan kepada prosedur pentadbiran sahaja seperti perlantikan dan pembaharuan AJKPM atau Pegawai Masjid, pendaftaran masjid dan prosedur-prosedur lain yang perlu diikuti oleh AJKPM. Di samping itu, aktiviti pengimarahannya di Bahagian Sri Aman terbahagi kepada tiga kategori iaitu aktiviti tahunan, berkala dan mingguan. Aktiviti tahunan merujuk kepada program-program sempena sambutan hari kebesaran Islam. Manakala aktiviti mingguan pula merujuk kepada aktiviti yang sering dilakukan pada setiap minggu seperti bacaan Yasin dan Tahlil. Aktiviti berkala pula adalah aktiviti yang dilakukan selain daripada aktiviti mingguan dan tahunan. Ia dilakukan dengan kekerapan sekali hingga tiga kali dalam setahun. Sungguhpun demikian, AJKPM tidak mampu bergerak dengan sendiri jika faktor kewangan tidak diambil kira, kerana ia merupakan salah satu faktor penting dalam menjayakan pembangunan rohani dan jasmani institusi masjid. Dengan ini, kajian ini berjaya mengenal pasti aliran proses perwakilan autoriti daripada MIS kepada AJKPM

dan tanggungjawab setiap agensi yang terlibat dalam proses perwakilan tersebut. Kajian ini juga berjaya menjelaskan program-program pengimarahannya yang sering dijalankan oleh AJKPM dan sumber kewangan untuk membangunkan institusi masjid di Bahagian Sri Aman.